

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20 April 2017**

**SOALAN**

Puan Hajah Rahemah binti Idris minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik penyertaan peserta bagi Program 1AZAM dan bentuk program susulan bagi memastikan matlamat asas tercapai. Nyatakan juga contoh kejayaan peserta Program 1AZAM ini.

## **JAWAPAN**

Di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) terdapat tujuh (7) Program 1AZAM iaitu 1AZAM Niaga dan Khidmat yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), 1AZAM Tani oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), 1AZAM Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR), 1AZAM Bandar oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), 1AZAM Sabah oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Sabah dan 1AZAM Sarawak oleh Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti (KKWKK) Sarawak. Tuan Yang Dipertua, Bagi tempoh Januari 2011 hingga 31 Disember 2016, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah 198, 060 orang dari seluruh negara. Bagi memastikan bantuan yang diberikan memberi impak kepada kumpulan sasar, pemantauan dan bimbingan secara berterusan dilaksanakan dalam usaha membantu para penerima bantuan agar mampu untuk hidup berdikari. Hasil daripada proses pemantauan tersebut, 96,072 orang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah melebihi RM300 sehingga RM500 atau berjaya meningkatkan pendapatan per kapita mele过asi Paras Garis Kemiskinan (PGK). Selain itu, seramai 3,839 orang peserta telah meningkatkan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah pendapatan bulanan mereka di bawah inisiatif Beyond 1AZAM dan seramai 50 orang peserta telah menaik taraf perusahaan mereka kepada Usahawan Industri Kecil. Mengambil satu contoh peserta success story, Puan Norhayati binti Ab. Rashid, 49 tahun beralamat di Kg. Teluk Jeli Luar, Tg. Sedili, Kota Tinggi, Johor. Beliau merupakan penerima pakej kuih-muih Program 1AZAM (Niaga & Khidmat) pada tahun 2013. Ibu tunggal ini gigih berusaha mencari nafkah untuk membesarkan 4 orang anaknya dengan menjual kuih-muih tradisional di tepi jalan berdekatan rumah beliau dengan pendapatan sekitar RM400.00 hingga RM550.00 sebulan pada masa itu. Dengan bantuan 1AZAM yang diterima ini, sedikit demi sedikit perniagaannya berkembang maju dan semakin terkenal di kalangan penduduk sekitar Tg. Sedili dan di beberapa daerah berdekatan. Puan Norhayati terkenal dengan keenakan kuih dalam hasil air tangannya. Kini, selain berniaga di Pasar Malam Tg. Sedili setiap Rabu dan Jumaat, beliau turut menerima tempahan secara walk-in dan online, dan menjelang Ramadhan beliau berniaga di Bazar Ramadhan pada setiap tahun. Pencapaian peserta ini kini boleh dibanggakan kerana berjaya meningkatkan pendapatan sehingga RM2,000.00 hingga RM3,000.00 sebulan. Tuan Yang Dipertua, Kementerian telah melaksanakan satu kajian penilaian outcome yang menetapkan beberapa Indikator Pencapaian bagi mengukur keberkesanannya dan melibatkan peserta di seluruh negara. Kajian tersebut telah dibentangkan di dalam Jawatankuasa Penilaian Outcome pada 16 Ogos 2016 lepas dan hasil daripada kajian tersebut adalah; i. 11.6% peserta telah berjaya keluar daripada PGK Miskin; ii. 30.5% berjaya keluar daripada PGK Miskin Tegar; iii. 96.0% peserta berpuas hati dengan keseluruhan Program 1AZAM; iv. 96.7% peserta menyatakan kesediaan kekal mampan menjalankan perniagaan; v. Min bagi peningkatan pendapatan keseluruhan adalah RM448.55; dan vi. Min pendapatan peserta meningkat kepada RM701.64 berbanding RM253.09 sebelum menerima peralatan / memulakan perniagaan iaitu peningkatan sebanyak 177.2%. Di samping itu, inisiatif ini juga turut memperkuuhkan kursus berkaitan pengurusan kewangan iaitu kursus Literasi Kewangan yang wajib dihadiri oleh setiap peserta Program 1AZAM ini. Modul kursus sedia ada ini ditambahbaik lagi dengan memasukkan elemen Pengurusan Hutang dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang dilihat menjadi satu keperluan penting untuk para peserta menjadi usahawan yang lebih berjaya.

